

Rondaan tentera, polis cegah hutan diteroka secara haram

CAMERON HIGHLANDS 5 Ogos - Rondaan anggota tentera, polis dan Rela akan dilakukan untuk menyekat penerokaan hutan secara haram bagi aktiviti pertanian di Cameron Highlands.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel berkata, selain itu, Pusat Gerakan khas akan diwujudkan di peringkat daerah di sini bagi menyelaraskan semua maklumat mengenai aktiviti pertanian secara haram yang melibatkan Pejabat Tanah daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perhutanan.

Beliau berkata, langkah itu dilihat berkesan dalam membanteras penerokaan tanah secara haram untuk pertanian yang terus berleluasa di kawasan tanah tinggi itu.

"Saya akan berbincang dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengenai cadangan mewujudkan pasukan rondaan khas ini.

"Selain itu, kementerian juga bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri Pahang dan Kelantan dalam usaha mencegah penerokaan hutan terutama di kawasan sempadan kedua-dua negeri," katanya demikian semasa mengadakan lawatan ke kawasan yang diterokai secara haram untuk aktiviti pertanian di Lojing, Gua Musang, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Zaal Azha



G. PALANIVEL bersama Zaal Azha Yusof (tiga dari kanan) melihat pelan tanah ketika meninjau kawasan yang diterokai secara haram untuk aktiviti pertanian di Lojing, Gua Musang, Kelantan, semalam. - UTUSAN/ZULKARNAIN MOHD. SAIDIN

Yusof.

Kawasan tersebut terletak agak jauh dari jalan utama iaitu kira-kira lapan kilometer dari Jalan Simpang Pulai-Gua Musang, Kelantan.

Difahamkan kawasan itu sudah wujud sejak beberapa tahun lalu dan kawasan yang diteroka semakin luas sehingga boleh menjejaskan sistem ekologi kawasan di situ.

Menurut Palanivel, bagi tanah yang

telah diteroka dan diusahakan dengan tanaman, pihak berkuasa akan mengeluarkan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) supaya pengeluaran sayur dari kawasan ini tidak terjejas.

Beliau berkata, pihak berkuasa tidak boleh menghalau pengusaha kebun sayur berkenaan sebaliknya usaha akan giat dijalankan untuk menyekat lebih banyak kawasan hutan daripada terus diterokai se-

wenang-wenangnyanya.

"Masalah ini (penerokaan hutan secara haram) sudah lama berlaku dan memang agak sukar untuk diatasi kerana pelbagai faktor termasuklah operasi penguatkuasaan yang dapat dihidu lebih awal oleh peneroka haram ini.

"Lagipun agak sukar untuk mendakwa mereka yang terlibat kerana memerlukan banyak bukti untuk proses perundangan," katanya.